



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO		
TARIKH	:	13/7/2021 (SELASA)	MUKA SURAT	: 12
JABATAN	:	JPNP		

Operasi memusnahkan kebun haram musang king seluas 101 hektar selesai Kosmo, 13 Jul 2021_12 **9 hari terbang 15,000 pokok durian**

Oleh ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN

RAUB – Operasi penebangan 15,000 batang pokok musang king di Hutan Simpan Kekal Batu Talam di sini selesai dalam tempoh sembilan hari berbanding jangkaan selama sebulan sebelum ini.

Kerja-kerja memusnahkan kebun haram seluas 101 hektar itu bermula 3 Julai lalu berjaya diselesaikan lebih awal daripada tarikh asal pada 2 Ogos depan.

Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP), Datuk Dr. Mohd. Hizamri Mohd. Yassin berkata, sehubungan itu, pihaknya kini dalam proses menanam anak pokok hutan pelbagai spesies di kawasan berkenaan.

"Kerja-kerja penebangan 15,000 pokok durian musang king telah selesai semalam (kemarin), lebih awal berbanding jangkaan sebelum ini selama sebulan.

"Dengan berakhirnya operasi tersebut, kita telah mulakan tanam 500 anak pokok hutan pelbagai spesies hari ini (semalam)," katanya di sini semalam.

Kosmo! sebelum ini melaporkan JPNP bertindak tegas terhadap aktiviti pencerobohan hutan apabila memulakan operasi memusnahkan kebun haram durian



KERATAN Kosmo! 5 Julai 2021.

musang king di Hutan Simpan Batu Talam.

Operasi Pamah yang melibatkan pelbagai agensi berkaitan itu bermula 3 Julai lalu dijangka siap pada 2 Ogos depan.

Walaupun pada mulanya operasi menerima provokasi melampau dipercayai daripada pekebun durian, namun kembali lancar selepas Pasukan Gerakan Am (PGA) mula melakukan kawalan pada 5 Julai lalu.

Sementara itu, Pegawai Pejabat Hutan Daerah Raub, Shahrii Mohamad berkata, operasi memusnahkan pokok musang king itu bagi mengekalkan kawasan tadahan air yang menjadi sumber air penduduk di daerah berkenaan.

Menurutnya, Hutan Simpan



SEBANYAK 500 anak pokok hutan pelbagai spesies akan ditanam di atas tapak kebun durian haram di Hutan Simpan Kekal Batu Talam, Raub.

Kekal Batu Talam seluas 62,070 hektar telah diwartakan sebagai kawasan tadahan air pada 2002.

"Hutan Simpan Kekal Batu

Talam membekalkan air kepada Sungai Semantan yang mengalir bertemu Sungai Liang dan membentuk Sungai Semantan.

"Sumber air sungai berkenaan diproses di Loji Rawatan Air Semantan untuk kegunaan pengguna," jelasnya.